



USAHANITA

PERSATUAN USAHAWAN WANITA BUMIPUTRA MALAYSIA
HQ: LOT: JKR 371-(4), JALAN LEDANG, OFF JALAN DUTA, 50480 KUALA LUMPUR
Tel: 03-20986101, 013-7776990, 019 9878100 EMAIL: usahanita1984@gmail.com

Ruj Kami : MPC/KJNUM/082022

Tarikh : 01 OKTOBER 2022

YBhg DATO' ABDUL LATIF HAJI ABU SEMAN

KETUA PENGARAH

Malaysia Productivity Corporation (MPC)

Lorong Produktiviti, Jalan Sultan

46200 Petaling Jaya, Selangor

سلام کیلے عملہ اللہ تعالیٰ معہد کرو متاکربو

YBhg Dato' ,

MEMOHON SOKONGAN DAN BANTUAN BAGI MENJAYAKAN JELAJAH KONVENSYEN USAHAWAN WANITA (KONVENITA) 2022-2023 - WANITA DINAMIKA TUNJANG KELUARGA PERPADUAN

Salam takzim, saya bagi pihak Ahli Majlis Tertinggi serta Pengerusi2 Cawangan Negeri2 Persatuan Usahawan Wanita Bumiputera Malaysia (USAHANITA) mendoakan agar YBhg Dato' sentiasa dalam pemerliharaan Illahi dan sihat walafiat.

2. Persatuan Usahawan Wanita Bumiputra Malaysia (USAHANITA) telah ditubuhkan 38 tahun lalu dan kini mempunyai lebih 55,000 orang ahli di seluruh Negara terdiri dari usahawan wanita kecil dan sederhana, Ibu Tunggal, Kurang Upaya, Orang Asli, Usahawan Muda, Usahawan Asnaf dan Usahawan Sosial.

3. Dalam keadaan demikian, USAHANITA pertama kali nya serta julung kali telah menetapkan untuk menganjurkan program **JELAJAH KONVENSYEN USAHAWAN WANITA 2022-2023** – dengan tema **WANITA DINAMIKA TUNJANG KELUARGA PERPADUAN** di setiap Negeri2 di keseluruh negara yang akan dilaksanakan oleh USAHANITA Cawangan Negeri-Negeri. Bermula dari bangun dan bangkit untuk membina semula perniagaan mereka, usahawan wanita amat memerlukan program julung kali diadakan di Negeri2 bagi membantu dan memberi segala pertolongan dan bantuan untuk mereka terus bangkit dan bangun bagi memulihkan dan meneruskan perjuangan mereka demi ekonomi keluarga dan Negara.

4. Dikesempatan ini USAHANITA perlu mendapatkan sokongan, bantuan dan kerjasama Y.Bhg Dato selaku Ketua Pengarah bagi sudi kiranya memohon untuk Malaysia Productivity Corporation (MPC) bagi menggalakkan di seluruh negara melibatkan diri dan menyertai Jelajah KONVENSYEN Usahawan Wanita (KONVENITA) 2022-2023 yang julung kali akan diadakan di negeri-negeri serta terlibat dengan setiap pengambilan booth bagi pameran & penerangan.

Pada permulaan ini kami memohon untuk membantu untuk di Negeri Selangor pada pemula yang akan diadakan :-

Tarikh : **03hb HINGGA 05hb FEBRUARI 2023 – 3 HARI – JUMAAT HINGGA AHAD**

Tempat: **IDCC, SHAH ALAM, SELANGOR**
Bemula : **9 PAGI HINGGA 9 MALAM**

Kehadiran Peserta : **ANGGARAN 10 RIBU**

5. USAHANITA pada tahun 2017 dan 2019 telah menganjurkan program KONVENITA peringkat nasional. Program KONVENITA ini telah menunjukkan komitmen membolehkan usahawan USAHANITA berkongsi ilmu dan pengalaman dikalangan mereka dan memperlahari ilmu dan pengetahuan baru dan terkini terutama dalam bidang IT dan teknologi serta teknik pemasaran dan penjualan terkini melalui pendedahan kepada tokoh-tokoh usahawan dan pakar-pakar yang berjaya.

6. Program KONVENITA telah bukan sahaja telah merapatkan saf usahawan dikalangan USAHANITA tetapi turut membantu melengkapi mereka dengan ilmu dan kebolehan dalam teknik perniagaan terkini. Ia juga turut membantu membangunkan usahawan cemerlang dalam berbagai jenis perniagaan di seluruh Negara dan global.

7 Seperti yang kita sedia maklum, gejala pandemik Covid 19 dan bencana banjir yang melanda beberapa buah negeri baru-baru ini telah memberi kesan kepada usahawan USAHANITA yang memerlukan bantuan dan bimbingan untuk bangun meneruskan perniagaan mereka. Apatah lagi dengan keadaan inflasi dan krisis kekurangan makanan yang menyebabkan kenaikan sara hidup rakyat.

8. Dalam keadaan demikian, USAHANITA telah bermulanya Negeri Perak, Selangor, Kelantan, Kedah, Pulau Pinang, Wilayah Persekutan, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang, Terengganu, Sabah & Sarawak dan diakhiri di Nasional bagi acara penutup. Bermula dari bangun dan bangkit untuk membina semula perniagaan mereka, usahawan wanita amat memerlukan segala pertolongan dan bantuan dari semua pihak sama ada Kerajaan, GLC, Swasta siapa jua dikalangan Keluarga Malaysia.

Dengan ini saya bagi pihak Ahli Majlis Tertinggi, Jawatankuasa Usahanita Malaysia, Pengerusi2 Negeri, Ketua2 Daerah berserta Keseluruhan Ahli Usahanita terlalu mengharapakan dengan sepenuh harapan bagi bantuan, sokongan serta penyertaan untuk program yang terlalu bernilai untuk kami.

Bersama ini disertakan borang penyertaan untuk diisikan diatas penajaan bagi program ini. Dan memohon jika diberi peluang untuk kami membuat penerangan lebih terperinci dan jika ada segala kemusyiklan dan pertanyaan, sila hubungi saya secara terus.

**PERJUANGAN KAMI TANPA SEMPADAN, KASIH SAYANG KAMI TANPA BATASAN
DARI WANITA UNTUK WANITA**

Yang benar

PERSATUAN USAHAWAN WANITA BUMIPUTERA MALAYSIA



STE(HONS)DATO' HAJJAH FARIDAH A JABBAR

Penasihat Kehormat KONVENITA 2022/2023

Merangkap

Yang DiPertua USAHANITA Malaysia

013 – 7776990